

## ORIGINAL ARTICLE

**Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif**

Aminnudin Saimon\* &amp; Muhammad Asyraf Md. Rashid

Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh Edu Hub, Pagoh, Muar, Johor.

**ABSTRAK** – Realiti kehidupan masyarakat khususnya berkaitan kepimpinan telah banyak digambarkan melalui perlambangan yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Cara masyarakat Melayu yang selalu meneliti dan mengenali alam semula jadi membuatkan objek persekitaran dijadikan perlambangan untuk berkias dan menyampaikan mesej dalam peribahasa. Kajian ini bertujuan mencungkil akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa berunsurkan kepimpinan. Pendekatan semantik inkuisitif dan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS) telah digunakan dalam menganalisis data kajian. Sebanyak 97 peribahasa berkaitan kepimpinan yang telah dikenal pasti daripada buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai susunan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga konsep kepimpinan yang diperoleh dalam kajian ini iaitu berkaitan pemimpin, gaya kepimpinan dan orang yang dipimpin. Hasil kajian mendapati bahawa unsur kepimpinan yang dikenal pasti dan diterapkan dalam peribahasa Melayu mempunyai mesej, teguran yang positif, namun penuh dengan sopan santun dalam berbahasa. Implikasi daripada kajian ini adalah kepelbagaiannya ilmu dan akal budi yang tersirat disebalik perlambangan yang digunakan oleh masyarakat Melayu berjaya dirungkaikan menerusi pendekatan semantik inkuisitif.

**ARTICLE HISTORY**

Received: 21 August 2021

Revised: 18 October 2021

Accepted: 14 January 2022

**KEYWORDS**

Akal budi Melayu

Kaedah rangka rujuk silang

Kepimpinan

Peribahasa Melayu

Semantik inkuisitif

Cross-reference approach

Inquisitive semantics

Leadership

Malay mind

Malay proverbs

**Leadership Concepts in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis**

**ABSTRACT** – Social reality particularly associated with leadership has been variously portrayed by symbols in Malay proverbs. As Malay community loves to explore and examine the nature, many objects in the surrounding are used in a figurative sense and to convey messages in proverbs. This study aims to investigate the Malay mind implied in leadership-oriented proverbs. An inquisitive semantic approach and the Cross-Reference Approach (CRA) were used in analysing the data. A total of 97 proverbs related to leadership has been identified from the book of *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* by Zaitul Azma Zainon Ahmad Hamzah and Fuad Mat Hassan (2011). The results revealed there are three concepts of leadership which are; related to leaders, leadership styles and people who are led. This study found that the elements of leadership applied in Malay proverbs consist of messages, positive remarks, and are always politely delivered. The implication of this research is the diversity in knowledge and thought implied behind the symbols used by the Malay community which has been successfully revealed through semantic approach inquisitive.

**PENGENALAN**

Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada unsur kepimpinan yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Menurut Idris Aman (2008), pemimpin merujuk kepada individu yang bekerjasama bersama mereka yang berkongsi pemikiran yang sama untuk meningkatkan kualiti atau membuat perubahan sosial kepada masyarakat. Perkataan pemimpin bererti yang memimpin, membimbing, menuntut, mengepalai, dan melatih. Apabila membicarakan tentang kepimpinan dan pemimpin secara amnya memahami bahawa seorang ketua haruslah memimpin suatu kumpulan manusia dan hal ini membabitkan kumpulan kecil mahupun besar. Hal ini selaras dengan pernyataan Idris Aman (2008) yang mengatakan bahawa kepimpinan adalah salah satu proses kehidupan sosial yang penting dan sentiasa mendapat keutamaan manusia. Selaras dengan percaturan dunia hari ini pula, keberkesanan kepimpinan negara begitu ditekankan. Dalam proses kepimpinan, peranan bahasa sebagai wahana komunikasi dan interaksi memang tidak boleh dinafikan.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyatakan bahawa ujaran masyarakat Melayu telah menunjukkan satu kehidupan yang kolektif sama ada dalam organisasi besar ataupun kecil seorang ketua haruslah dilantik. Tujuan pelantikan ketua adalah untuk memudahkan pengurusan hal ehwal kehidupan bermasyarakat, lebih produktif, efektif dan mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana masyarakat tidak akan damai dalam menjalani kehidupan

seharian tanpa seorang ketua yang menjadi pemimpin di tempat tersebut. Selain itu, Idris Aman (2008) menyatakan bagi mewujudkan seorang pemimpin yang bermutu tinggi, peribahasa Melayu telah diguna pakai bagi tujuan menasihati, menegur, membimbang dan menyindir pemimpin Melayu supaya lebih cakna dengan ajaran Islam. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) berpendapat bahawa peribahasa merupakan ikatan dua perkataan, iaitu peri dan bahasa. Peri membawa maksud hal, keadaan, sifat, cara, kejadian, dan peristiwa, manakala bahasa ialah satu sistem perlambangan bunyi diguna oleh manusia untuk meluahkan perasaan dan buah fikiran supaya dapat ditafsir oleh pendengar. Peribahasa Melayu juga mempunyai keunikan pada isi, susunan kata dan maksudnya. Peribahasa Melayu sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu, kerana daripada kehidupan masyarakat Melayu terciptanya peribahasa yang menarik meliputi seluruh aspek kehidupan manusia, alam ghaib dan alam semulajadi.

Dalam merungkai peribahasa yang berkaitan kehidupan manusia, alam ghaib dan alam semula jadi, terdapat kajian peribahasa yang menerapkan pendekatan semantik inkuisitif bagi menjelaskan akal budi yang terdapat dalam karya kreatif masyarakat Melayu iaitu peribahasa. Pendekatan semantik inkuisitif merupakan pendekatan yang diasaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2017 dalam bukunya yang berjudul Semantik dan Akal Budi Melayu. Semantik inkuisitif ini digunakan bertujuan untuk menganalisis peribahasa melalui kaedah dan proses teori semantik yang berlaku bagi merungkai maksud yang tersirat pada peribahasa. Di samping itu, pendekatan ini memberi kefahaman akan falsafah dan akal budi orang Melayu. Walaupun terdapat beberapa pendekatan pengkajian semantik yang lain seperti semantik resonans dan semantik skrip, namun proses bagi kedua-dua pendekatan tersebut belum lengkap dan perlu ditambah baik kerana pendekatan itu mengkaji makna pada tahap kognitif dan harfiah sahaja. Oleh itu, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) berpandangan perlu ada penambahan proses bagi melengkapkan kajian makna tersebut yang memerlukan fikiran yang amat kritis.

## PENYATAAN MASALAH

Dewasa ini, keadaan semasa memperlihatkan bahawa peribahasa tidak lagi diminati oleh golongan muda. Hal ini sejajar dengan kenyataan daripada Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) mengatakan bahawa penggunaan perkataan dalam peribahasa dilihat sukar untuk difahami dan perkataan yang digunakan juga amat asing didengari menyebabkan pengguna bahasa sukar untuk mentafsir makna peribahasa. Berdasarkan isu ini, masalah yang timbul ialah kesukaran pengguna bahasa untuk memahami dan mentafsir perkataan yang digunakan di dalam peribahasa menyebabkan pengguna bahasa dilihat sukar untuk menggunakan dan mempraktikkan peribahasa dalam penulisan mahupun komunikasi. Hal ini menyebabkan pelbagai konsep, pemikiran, ajaran yang ada dalam peribahasa tidak dapat difahami dan seterusnya menyebabkan penyampaian akal budi dalam peribahasa tidak dapat disampaikan.

Pengkaji-pengkaji lepas hanya memfokuskan peribahasa berunsurkan alam semula jadi dalam kajian tanpa menentukan konsep yang digunakan seperti kajian daripada Nor Hashimah Jalaluddin (2017) yang menumpukan kepada sejenis haiwan sebagai domain dan kajian daripada Muhammad Zaid Daud (2020) mengetengahkan unsur unggas bagi perlambangan dalam peribahasa Melayu dan menganalisis dengan pendekatan semantik inkuisitif. Pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian yang menumpukan konsep kepimpinan dalam peribahasa kerana kepimpinan merupakan elemen penting dalam kesejahteraan sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, masalah yang menjadi asas kepada pembentukan kajian ini ialah konsep kepimpinan merupakan elemen penting dalam sesebuah organisasi, namun perlambangan, objek, mesej yang disampaikan melalui kehalusan peribahasa tidak lagi diterokai dan difahami. Kajian ini dapat menyumbangkan kepada ilmu pentakrifan terhadap elemen-elemen atau perlambangan yang digunakan bagi merujuk kepada konsep kepimpinan seperti perlambangan unsur haiwan dalam peribahasa.

## OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menyenaraikan satu objektif kajian yang utama, iaitu;

- Menganalisis konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif yang dijalankan oleh Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah pada tahun 2020 adalah untuk mengenal pasti akal budi Melayu dalam peribahasa yang berunsurkan burung. Makalah ini memfokuskan kepada empat jenis burung iaitu burung enggang, pipit, pungguk dan pegar. Kajian ini menggunakan kaedah Rangka Rujuk Silang dan pendekatan semantik inkuisitif bagi menjelaskan makna akal budi Melayu dalam empat peribahasa yang dipilih oleh pengkaji. Data kajian tersebut telah diambil daripada pengkalan data laman sesawang [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com). Dapatkan kajian mendapat maksud tersirat dalam makna peribahasa yang berunsurkan burung ini berjaya dihuraikan oleh pengkaji sekali gus membuktikan sebab masyarakat Melayu menggunakan burung sebagai objek dalam peribahasa.

Eli Aima Shazila dan Julaina Nopiah (2020) menjalankan kajian yang bertajuk Leksikal ‘Ayam’ dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Kajian ini dijalankan bagi mencungkil akal budi peribahasa yang mempunyai unsur leksikal ayam. Peribahasa yang berunsurkan “ayam” digambarkan dapat dikaitkan dengan realiti kehidupan masyarakat Melayu dan boleh dijadikan panduan hidup. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan kaedah Rangka Rujuk Silang. Melalui pencarian sumber data di portal [www.malaycivilization.com](http://www.malaycivilization.com), pengkaji telah memilih empat peribahasa untuk dianalisis daripada 134 peribahasa yang telah dikenal pasti. Tiga domain utama telah dinyatakan oleh pengkaji melalui empat peribahasa tersebut iaitu domain kekeluargaan, rezeki, dan kelicikan.

Dapatan kajian ini adalah pengkaji telah menyimpulkan masyarakat Melayu mempunyai daya pemikiran yang kritis dalam penciptaan peribahasa yang berunsurkan ayam. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang dekat dengan haiwan bernama ayam, memudahkan lagi peribahasa yang menggunakan perlambangan ayam dihasilkan. Pengkaji mendapati masyarakat Melayu berfikir dengan kreatif, iaitu menjadikan ayam sebagai lambang peribahasa untuk menyatakan maksud disebaliknya.

Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Nasir (2019) menjalankan kajian yang bertajuk Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu bertujuan untuk memudahkan pelajar memahami peribahasa Melayu serta memudahkan proses pengajaran guru sekolah menengah subjek Bahasa Melayu. Kajian ini menjadikan peribahasa yang terdapat dalam buku-buku teks subjek Bahasa Melayu sekolah menengah sebagai sumber data kajian. Kajian ini menumpukan kepada tiga tema sahaja daripada lapan tema yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu untuk Pelajar yang ditulis oleh Mohd Tajuddin Abd. Rahman (2017) iaitu, tema untung, nasib dan sia-sia, tema keluarga dan isi rumah dan tema hal-hal kehidupan. Dapatan kajian ini mendapati semantik inkuisitif berkesan untuk memahami makna akal budi Melayu dalam peribahasa yang terdapat dalam sukanan pelajaran pelajar sekolah menengah. Pengkaji juga berjaya merungkai akal budi Melayu yang terselindung sebalik peribahasa-peribahasa tersebut.

Kajian yang bertajuk Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif yang dijalankan oleh Junaini Kasdan dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) mendapati bahawa pendekatan semantik inkuisitif bagi mencari maksud dan akal budi Melayu yang terdapat pada asam adalah amat sesuai. Kajian ini mengemukakan tiga jenis asam iaitu asam kandis, asam gelugur dan asam jawa. Oleh itu, pengkaji telah menemukan beberapa khasiat dan manfaat yang terdapat pada asam untuk kesihatan tubuh badan manusia. Dalam dapatan kajian menyatakan bahawa orang-orang Melayu terdahulu bukan hanya bergantung kepada pengalaman mereka dengan alam sekitar dalam membentuk falsafah hidup mereka tetapi juga bersandarkan kepada pegangan agama yang teguh.

Penelitian terhadap kajian yang dinyatakan ini merupakan kajian yang berkait dengan unsur-unsur alam, metafora konsepsi dan skema imej menunjukkan pengkaji ingin mencungkil akal budi masyarakat Melayu melalui objek yang didapati dalam persekitaran masyarakat. Namun, dalam menganalisis makna akal budi tersebut, kajian yang dinyatakan ini terdapat kekurangan, iaitu pengkaji tidak memfokuskan kepada satu konsep yang menjadi domain dalam kajian. Justeru, daripada kelompongan kajian lepas inilah yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian yang berfokuskan konsep kepimpinan.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan data peribahasa Melayu yang terdapat dalam buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai hasil penulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Hasil kajian mendapati sebanyak 97 daripada 3185 peribahasa dikenal pasti berkonsepkan kepimpinan. Pemilihan konsep ini adalah berteraskan penggunaan perlambangan, perkataan dan juga makna yang diberikan terhadap sesebuah peribahasa. Oleh hal yang demikian, dalam konteks kajian ini pengkaji hanya menyenaraikan sebanyak sepuluh peribahasa yang dipilih dan menganalisis tiga daripadanya dengan jelas. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Liamputtong (2014), jika data yang dipilih menepati dan memenuhi kehendak sesuatu kajian, bilangan sampel yang diperlukan hanyalah antara satu hingga tujuh sahaja.

Bentuk penyelidikan kualitatif sangat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian dengan memahami makna peribahasa berlandaskan akal budi masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana fungsi kajian kualitatif adalah menjana kefahaman dan menjelaskan asbab sesuatu fenomena yang berlaku. Data bagi kajian ini tergolong dalam bentuk kualitatif deskriptif kerana kesemua data kajian ini dikumpul melalui sumber buku peribahasa. Reka bentuk kajian ini yang berbentuk kaedah kualitatif sangat sesuai bagi menjalankan kajian peribahasa ini dan mencapai objektif kajian. Oleh hal demikian, kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan bagi kajian peribahasa ini adalah amat bertepatan dengan objektif dan tujuan kajian. Bentuk kajian ini juga amat sesuai digunakan bagi kajian-kajian dalam bidang linguistik, sosiologi dan bahasa dalam masyarakat.

## **KERANGKA TEORI**

Pengkaji menjalankan kajian menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif sebagai sandaran sepanjang kajian ini dijalankan. Pendekatan tersebut akan dijelaskan berdasarkan rajah 1 di bawah.

### Kerangka Semantik Inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017)



**Rajah 1.** Kerangka semantik inkuisitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017).


Selain penggunaan kerangka semantik inkuisitif, pengkaji juga menggunakan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam kajian ini bagi memudahkan perkaitan dan antara perlambangan dengan rujukan makna yang dibuat. Rangka Rujuk Silang yang digunakan adalah seperti dalam huraihan di bawah.

### Rangka Rujuk Silang (RRS, Kempson 1984)

Salah satu konsep penting yang diperkenalkan oleh Kempson (1984) ialah Rangka Rujuk Silang (RRS). Rangka Rujuk Silang (RRS) merupakan sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Lazimnya, maklumat awal mengenai apa yang diperkatakan tidak wujud dalam ujaran yang didengar, tetapi premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat dengan lebih baik. Dengan kata lain, anteseden yang diperoleh melalui Rangka Rujuk Silang (RRS) memastikan maklumat terdahulu dan maklumat yang wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar telah berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna (Zarina Tajuddin & Anida Saruddin, 2018).

### Konsep Kepimpinan

Konsep kepimpinan ini diperoleh adalah berdasarkan penelitian yang mendalam terhadap peribahasa Melayu khususnya dalam buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* hasil penulisan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Daripada penelitian tersebut, pengkaji mendapat bahawa terdapat tiga konsep yang penting dalam kepimpinan, iaitu pemimpin, gaya kepimpinan dan orang yang dipimpin. Penjelasan mengenai konsep ini dapat dilihat pada rajah 2 di bawah.



**Rajah 2.** Konsep kepimpinan dalam peribahasa.

Berdasarkan Rajah 2, konsep kepimpinan yang dinyatakan adalah berdasarkan penelitian yang mendalam terhadap buku peribahasa yang dipilih. Bagi memberikan kefahaman dan analisis yang jelas, pengkaji telah menggunakan contoh daripada sumber lain seperti surat khabar sebagai sokongan bagi mengukuhkan penggunaan konsep kepimpinan dalam peribahasa. Percontohan ini penting bagi memperlihatkan RRS berfungsi dalam sesuatu ayat yang menggunakan konsep kepimpinan dalam peribahasa. Oleh itu, gabungan antara konsep kepimpinan dengan percontohan ini secara tidak langsung dapat memberikan pemahaman yang jelas mengenai fungsi dan peranan kerangka semantik inkuisitif dan RRS dalam penganalisaan data.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan daripada kajian menunjukkan terdapat sebanyak 97 peribahasa mengandungi konsep kepimpinan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, konsep kepimpinan yang dinyatakan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu konsep pemimpin, gaya kepimpinan dan orang yang dipimpin. Sebanyak 48 peribahasa yang menjelaskan konsep pemimpin, 32 peribahasa pula menjelaskan mengenai gaya kepimpinan dan sebanyak 17 peribahasa yang menjelaskan mengenai konsep orang yang dipimpin.

### Peribahasa Berkonseptan Pemimpin

Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 48 peribahasa yang menjelaskan mengenai perihal pemimpin. Perihal ini merangkumi sikap pemimpin, sikap yang perlu ada pada pemimpin dan perilaku atau tindakan pemimpin. Elemen ini diperoleh berdasarkan pemerhatian yang mendalam terhadap peribahasa yang diperoleh. Elemen-elemen inilah yang dititikberatkan oleh peribahasa dalam menjelaskan keperibadian seseorang pemimpin dan sikap yang perlu ada pada setiap pemimpin. Perhatikan data di bawah yang menjelaskan peribahasa berkonsenptan pemimpin.

**Jadual 1.** Peribahasa berkonsenptan pemimpin.

Konsep	Peribahasa	Makna
Pemimpin	Seperti gajah dengan sengkalanya.	Orang yang berkuasa dapat berbuat sesukan hatinya terhadap orang yang lemah.
	Sebuah lesung seekor ayam jantannya.	Bagi setiap kaum ada seorang pemimpin yang akan memimpin.
	Besar berudu di kubangan, besar buaya di lautan.	Tiap-tiap orang besar/mulia pada tempatnya.
	Seperti harimau menunjuk belangnya, durian menunjukkan pangannya.	Perihal orang besar-besar yang menunjukkan bangsa dan kebesarannya.
	Seperti lut (batu duga) dengan marakah.	Orang yang lebih pengetahuan selalu menjadi pemimpin orang ramai.
	Jikalau ular menyusur akar, tiada akan hilang bisanya.	Orang besar yang merendahkan diri tidak akan jatuh maruahnya atau martabatnya.
	Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah.	Kekuatan sesebuah kerajaan kerana orang-orang besarnya, kekuatan orang-orang besarnya kerana rakyatnya yang bersatu padu.

### Tahap 1: Semantik Skrip

Semantik skrip boleh difahami dengan cara makna diolah dan diberi satu tafsiran mengenai sesuatu yang hendak disampaikan. Hanya berbekalkan sedikit maklumat serta pemerhatian, satu tafsiran makna dapat dibuat dengan mudah. Semantik skrip merupakan tahap pertama bagi proses mengenal akal budi masyarakat Melayu dalam peribahasa, jadi tahap ini tidak boleh dilangkau dengan tahap kedua dan ketiga.

Peribahasa 7, iaitu kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah yang diambil sebagai data ini membawa maksud kekuatan sesebuah kerajaan kerana orang-orang besarnya, kekuatan orang-orang besarnya kerana rakyatnya yang bersatu padu. Peribahasa ini menggunakan objek pohon, akar dan tanah sebagai perlambangan, kombinasi objek-objek ini menunjukkan analogi yang dipengaruhi oleh sifat kepimpinan seorang ketua dalam sesebuah organisasi yang memerlukan kerjasama daripada orang yang dipimpin. Analogi kebersamaan yang terdapat dalam peribahasa ini didapati sangat bersesuaian dengan makna yang telah dinyatakan dalam buku Peribahasa Melayu : Penelitian Makna dan Nilai oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Secara mudahnya, peribahasa ini dizahirkan daripada fungsi objek yang digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa ini. Sifat pohon yang memerlukan sokongan daripada akar untuk terlihat tegak dan mendapatkan sinaran cahaya matahari bagi menjalani proses fotosintesis, serta sifat tanah yang menyokong fungsi akar bagi mencengkam di atas muka bumi dan mendapatkan sumber air bagi meneruskan kehidupan sebuah pohon.

## Tahap 2: Semantik Resonans

Semantik resonans ialah tahap melihat kepada Rangka Rujuk Silang dan konsep relevans dalam peribahasa. Semantik resonans adalah pentafsiran makna di peringkat teori dan kognitif (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017). Oleh yang demikian, penghuraian pada peringkat ini bukanlah sekadar menyentuh makna harfiah peribahasa yang diambil sebagai data kajian, sebaliknya melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu melalui penciptaan peribahasa yang berunsurkan “pemimpin”. Pada tahap ini juga memperlihatkan makna implisit sesuatu perkataan dapat diterjemah. Fatin Rabiba Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) mengatakan untuk mendapatkan makna implisit, pendengar memerlukan pengalaman, pengetahuan dan memahami konteks yang berlaku. Oleh yang demikian, dalam peringkat semantik resonans ini, pengkaji perlu memahami dan mempunyai maklumat mengenai perkara yang hendak dianalisis. Hal ini dapat dilihat menerusi pemilihan peribahasa 4 dan 7 merujuk kepada penggunaan peribahasa seperti “harimau menunjuk belangnya”, “durian menunjukkan pangannya” dan “kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah” yang dijadikan sebagai contoh untuk menjelaskan penggunaan peribahasa tersebut. Pengkaji perlu memahami implisit peribahasa tersebut dan makna yang melatarinya agar dapat mencungkil akal budi dalam peribahasa tersebut.

- i. Saya percaya gandingan kita bersama, akan menghasilkan sesuatu yang lebih positif demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai termasuk swasta seperti pemaju dan peniaga akan melahirkan budaya tadbir urus yang baik dan mapan dalam membantu mencapai kemakmuran negeri ini. Peribahasa menyatakan: **“Kuat berdiri pohon kerana akarnya. Kuat akar kerana tanah.”** kata seorang dibulati, kita bersama diperiakan.
- ii. **“Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya.”** Demikian titah dan pesanan Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri’ayatuddin AlMustafa Billah Shah. Baginda bertitah, sesungguhnya kekuatan sebuah negeri adalah kerana raja pemerintah, manakala kekuatan raja pemerintah terletak kepada kerajaan dan rakyatnya. Menyedari hakikat tersebut, oleh itu baginda menyeru barisan saf kepimpinan negeri di setiap lapisan peringkat, untuk berkhidmat kepada rakyat jelata dengan penuh amanah, bertanggungjawab serta menjunjung sifat ketakwaan.

(Nik Amirul Mukminin Nik Min & Nor Khalilah Gusti Hassan, 2019)

Berdasarkan metodologi kajian dalam bab ketiga, penggunaan RRS bertujuan untuk menjelaskan maksud peribahasa “Kuat berdiri pohon kerana akarnya. Kuat akar kerana tanah”. Makna peribahasa ini adalah kekuatan sesebuah kerajaan atau sesebuah organisasi kerana orang besarnya, kuat orang besar pula kerana sokongan padu rakyat. Sebatang pohon menjadi teguh dan kuat kerana mempunyai akar yang menahannya daripada tumbang. Akar pula menjadi kuat kerana ada tanah yang menjadi tempat cengkamannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa kekuatan sesuatu itu bergantung antara satu sama lain.

Data korpus pertama diambil daripada ucapan YAB Dato’ Seri Haji Aminuddin bin Harun dalam Perhimpunan Pentadbiran Daerah Jempol pada tahun 2019 berkaitan dengan peribahasa yang dikaji. Dapat dilihat dalam ucapan tersebut, sebelum peribahasa dituturkan, YAB Dato’ Seri Haji Aminuddin bin Harun menyatakan harapannya kepada hadirin dalam perhimpunan tersebut supaya berganding bahu bersatu tenaga dalam tugas masing-masing agar kejayaan dalam sesebuah organisasi dapat diraih bersama. Seperti yang dinyatakan di awal bab ini, pemimpin yang baik adalah pemimpin yang bertanggungjawab dan memperkenan prestasi yang cemerlang dalam sesebuah organisasi, bukan sahaja dari segi kerja yang dijalankan malah dari segi akhlak yang ditonjolkan kepada orang yang dipimpin. “Pohon” dalam peribahasa tersebut merujuk kepada sebuah negeri atau kerajaan yang berharap kepada “akar” yang merujuk kepada pemimpin-pemimpin yang mentadbir negeri tersebut. Sebuah organisasi yang berjaya diusahakan atas kerjasama yang baik oleh pemimpin dan orang bawahan berlandaskan sifat saling memerlukan. Peribahasa tersebut juga memberi makna yang sama dengan merujuk kepada perlambangan yang berbeza iaitu “kuat akar kerana tanah”, perlambangan ini ditujukan kepada pemimpin dan rakyat. Pemimpin tidak mampu untuk membuat pekerjaan atau melaksanakan sesebuah tanggungjawab tanpa ada tulang belakang yang menyokong untuk menjalankan tugas. Tidak susah memahami peribahasa tersebut kerana terdapat premis tambahan yang dinyatakan di atas peribahasa bagi menjelaskan makna secara langsung kepada pendengar.

Pengkaji telah merujuk satu lagi data korpus bagi mengukuhkan pemahaman makna peribahasa ini. Data korpus yang kedua diambil daripada akhbar Sinar Harian tahun 2019. Data ini berbentuk teks ucapan Sultan Pahang ketika bertitah buat kali yang pertama di Balairong Seri Istana Abu Bakar. Baginda telah menyedarkan pemimpin akan kepentingan menjaga rakyat jelata kerana kekuatan seorang pemimpin datangnya daripada kerajaan dan rakyatnya. Bagi petikan ini, ayat-ayat yang hadir selepas peribahasa tersebut menambahkan lagi kefahaman pembaca akan makna yang ingin disampaikan oleh Baginda Sultan. Hal ini demikian kerana klausa “berkhidmat kepada rakyat jelata dengan penuh amanah” menunjukkan tentang tanggungjawab seorang pemerintah atau pemimpin bagi memastikan hak rakyat terjaga dengan baik lantas rakyat boleh menghormati pucuk pimpinan negeri masing-masing. Bertepatan dengan maksud peribahasa “kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya”, kekuatan sesebuah kerajaan terletak pada pemimpinnya, namun kekuatan pemimpin terletak pada rakyatnya. Klausa ini berfungsi sebagai seruan dan peringatan kepada pemimpin untuk sentiasa bekerjasama dengan rakyat bagi membangunkan negara. Pemimpin yang adil dan telus terhadap rakyat akan dipandang tinggi dan mendapat kepercayaan sepenuhnya dalam melakukan tugas kepada negara.

Berdasarkan penggunaan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam tahap kedua ini, makna peribahasa dapat difahami dengan baik dan bersesuaian dengan konteks ucapan itu dituturkan. Hal ini dikuatkan lagi apabila terselit dalam ucapan tersebut klausa-klausa yang mengukuhkan lagi dan menjadi maklumat tambahan bagi memahami makna peribahasa yang

dikaji. Oleh itu terbukti bahawa peribahasa “kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya” membawa maksud kekuatan sesebuah kerajaan kerana orang-orang besarnya, kekuatan orang-orang besarnya kerana rakyatnya yang bersatu padu.

### **Tahap 3 : Semantik Inkuisitif**

Tahap ini merupakan proses mencungkil akal budi masyarakat Melayu dalam peribahasa berdasarkan gabungan dan pemerolehan daripada semantik skrip dan semantik resonans. Pohon, akar dan tanah saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), pohon bermaksud tumbuhan yang berbatang besar serta keras dan kata seerti bagi pohon adalah pokok. Berdasarkan maklumat yang dipetik dalam laman sesawang ms.weblogografic.com berkaitan Sains dan Alam, pokok mempunyai kira-kira 100,000 spesis di dunia dan kebanyakannya daripada pokok tumbuh di kawasan tropika. Bahagian pokok terdiri daripada akar, batang, cawangan, ranting dan daun. Pokok disesuaikan untuk kehidupan di atas tanah dan sentiasa mempunyai batang berkayu tunggal. Akar pula merupakan komponen penting pada semua jenis tumbuh-tumbuhan yang posisi kebanyakannya di dalam tanah. Fungsi akar adalah penyokong dan pengukuh pokok di atas tanah, kekuatan akar boleh menampung pokok yang sangat berat batangnya bertahun-tahun lama mengikut kepada kondisi dan ketahanan sesebuah pokok. Selain itu, akar juga menyerap nutrien dan air yang terdapat dalam tanah untuk disalurkan ke seluruh bahagian pokok.

Menurut Nur Afiqah Wan Mansor dan Hashimah Jalaluddin (2016), apabila dikaitkan dengan akal budi Melayu, masyarakat Melayu menggunakan dan mengamati sepenuhnya alam sekeliling flora dan fauna dan menyamakan dengan sesuatu yang boleh dijadikan nasihat. Objek pohon, akar dan tanah dalam kiasan ini dianalogikan sebagai nasihat yang ditujukan kepada setiap orang yang menjadi pemimpin. Masyarakat Melayu menggunakan perlambangan pohon dalam peribahasa ini yang membawa makna sesebuah kerajaan yang harus ditadbir. Pohon atau pokok memberikan pelbagai faedah kepada manusia, misalnya batang kayu yang boleh dijadikan perabot rumah dan kertas bagi tujuan penulisan buku dan sebagainya. Begitu juga dengan negara atau negeri yang boleh mendatangkan pelbagai hasil dan faedah kepada setiap manusia jika dipimpin dengan betul oleh pemimpin. Karyawan yang mencipta peribahasa ini juga tidak menggunakan istilah tumbuhan lain seperti cendawan, kiambang dan lidah buaya sebagai objek perlambangan kerana tumbuhan seperti ini tidak mempunyai batang kayu yang utuh dan kukuh untuk berdiri di atas permukaan tanah. Sebuah pohon yang berdiri tegak sangat persis dengan keteguhan sesebuah negeri atau negara untuk dipelajari dan dihormati oleh negara lain. Oleh itu, pohon sahaja yang sesuai untuk menjadi perlambangan dalam peribahasa ini bagi membawa makna sebuah kerajaan.

Objek akar merupakan sebuah lagi perlambangan yang membantu dalam penyampaian makna bagi peribahasa ini. Akar dikaitkan dengan sesuatu yang dilambangkan sebagai seorang pemimpin. Ungkapan “kuatnya berdiri pohon kerana akar” sangat jelas menunjukkan sesebuah negara atau kerajaan sangat bergantung harap kepada seorang pemimpin yang bagus. Masyarakat Melayu menggunakan perlambangan akar kerana sifat akar yang mencengkam tanah dengan kuat mampu menegakkan sebuah pohon daripada renek hingga megah tegak mencakar awan dan tidak mudah tumbang apabila ditiup angin. Masyarakat Melayu juga melihat akar sebagai suatu objek yang sangat banyak fungsinya kepada pokok, kadangkala akar boleh menjadi benteng daripada tanah runtuh. Oleh itu, pemimpin sangat sesuai dilambangkan dengan objek akar dalam peribahasa ini.

Selain itu, perlambangan tanah yang disamakan dengan rakyat, pengikut atau orang yang dipimpin oleh seorang ketua. Masyarakat Melayu menyifatkan tanah sebagai suatu medium yang sangat penting bagi proses bercucuk tanam kerana jika tiada tanah, pohon tidak akan dapat hidup dengan mekar. Hal ini demikian kerana fungsi tanah adalah sebagai pembekal nutrien dan air untuk akar, satu-satunya platform untuk akar mencengkam dengan kuat dan bekalkan udara kepada pokok. Masyarakat Melayu melambangkan rakyat bagi objek tanah juga kerana jika pokok diletakkan atau ditanam di atas jenis permukaan yang salah, pokok tersebut tidak akan menjadi, misalnya pokok durian ditanam di atas pasir pantai, pokok tersebut tidak dapat menghasilkan buah. Akronim tersebut boleh disamakan dengan pemimpin dan rakyat, jika seorang pemimpin memimpin dengan cara yang salah, sesuatu organisasi tidak akan berhasil. Sokongan daripada rakyat sangat penting bagi memastikan sebuah kepimpinan berjaya.

Kesimpulannya, pemerhatian masyarakat Melayu amat teliti menyamakan tumbuh-tumbuhan dengan perbuatan manusia yang menunjukkan ciri kepimpinan yang harus menitikberatkan kerjasama antara orang atasan dan orang yang dipimpin. Pemerhatian yang dilakukan berdasarkan keperluan pohon, akar dan tanah yang saling melengkapi antara satu sama lain dilihat mempunyai kaitan yang amat relevan dengan maksud yang ingin disampaikan. Pengkaji menyimpulkan pemahaman peribahasa ini amat mudah untuk difahami hanya dengan melihat dan memerhati keperluan fungsi antara pohon, akar dan tanah dan disamakan dengan corak kepimpinan yang harus bekerjasama dengan rakyat.

### **Peribahasa Berunsurkan Gaya Kepimpinan**

Peribahasa yang memaparkan gaya kepimpinan ini menjelaskan terhadap gaya ataupun cara kepimpinan seseorang pemimpin. Seperti yang diketahui, di dunia ini terdapat pelbagai bentuk kepimpinan yang diamalkan oleh sesebuah negara seperti demokrasi, raja berpelembagaan, diktator, khalifah dan sebagainya. Masyarakat Melayu sebenarnya sudah didedahkan mengenai gaya ataupun cara pemimpin memimpin sesebuah negara, namun keintelikualan masyarakat menyebabkan mesej dan simbolik mengenai teguran, nasihat, sindiran dalam peribahasa tidak dapat difahami. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk memperlihat konsep kepimpinan dalam peribahasa. Perhatikan jadual di bawah yang mengandungi peribahasa berunsurkan gaya kepimpinan.

**Jadual 2.** Peribahasa berunsurkan gaya kepimpinan.

Konsep	Peribahasa	Makna peribahasa
Gaya Kepimpinan	Gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga.	Seseorang yang mempunyai kekuasaan atau pangkat dapat membuat sesuatu sesuka hatinya terhadap atau dalam lingkungan orang-orang yang lemah atau berpangkat.
	Mati dicatuk katak.	Orang berkuasa dikalahkan oleh orang yang lemah.
	Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi.	Ketua atau pemerintah yang telah hilang kuasanya tidak akan ditakuti oleh orang bawahannya.

**Tahap 1: Semantik Skrip**

Semantik skrip hanya bersandarkan kepada pengalaman peribadi dengan data sokongannya yang terhad. Tahap ini menyatakan makna tersurat peribahasa Melayu. Tahap ini merupakan tahap pertama bagi mencungkil akal budi Melayu. Peribahasa 8 “gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang, rumput layu juga” yang diambil sebagai data ini membawa maksud seseorang yang mempunyai kekuasaan atau pangkat dapat membuat sesuatu sesuka hatinya terhadap atau dalam lingkungan golongan yang lemah atau berpangkat rendah daripada mereka. Peribahasa ini menggunakan objek gajah, kayu dan rumput sebagai perlambangan, objek gajah tersebut dilihat memberi kesan kepada objek kayu dan rumput ketika memasuki kampung. Analogi objek gajah yang memasuki kawasan kampung yang bukan habitatnya telah membuatkan objek lain musnah disebabkan perbuatannya yang tidak mempedulikan keadaan sekeliling. Gajah dilambangkan sebagai seorang pemimpin yang berkuasa namun bersifat tidak memikirkan orang bawah pimpinannya, menggunakan kuasa sesuka hatinya.

**Tahap 2: Semantik Resonans**

Tahap ini akan menumpukan analisis pada peringkat resonans. Oleh yang demikian, penghuraian pada peringkat ini bukanlah sekadar menyentuh makna harfiah peribahasa yang diambil sebagai data kajian, sebaliknya melihat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu melalui penciptaan peribahasa yang berobjekkan “gajah”. Ayat (i) dan (ii) di bawah merujuk kepada penggunaan peribahasa 8 “gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang, rumput layu juga” yang diperoleh daripada data korpus.

- “Apakah perlu didikan undang-undang sedangkan semua maklum sebagai sebuah negara, ‘undang-undang’ hanyalah terma yang dimomokkan kepada rakyat marhaen tanpa wang ringgit atau kuasa mahupun pengaruh? Sedangkan realiti negara, kelas kayangan yang merangkumi mereka yang berduit, berkuasa ataupun berpengaruh duduk di luar dari cakupan undang-undang. Benarlah didikan nenek moyang dulu: apabila **“gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang, rumput layu juga.”** Rakyat marhaen didenda sehingga muflis, dipenjara sehingga beruban, disebat sehingga lunyai dan digantung sehingga mati jika kepatuhan kepada undang-undang diingkari.”
- “Kerajaan negeri juga secara tersembunyi untuk menambah kewangan PBT dengan menaik denda RM20.00 kalau bayaran lewat. Dulu di zaman Barisan Nasional kami caj RM2.00 sahaja bagi cukai yang lewat dibayar mulai 1 Mac 2009. Mereka mengambil kesempatan terhadap rakyat yang terpaksa untuk membayar cukai ataupun kepada golongan orang-orang yang miskin yang tidak mampu membayarnya umpama **“gajah masuk kampung kalau pohon tidak tumbang rumput layu juga.”** Orang yang berkuasa dapat membuat sesuka hati kepada orang yang lemah. Memang seronok mencanangkan gula-gula untuk memikat rakyat, namun apabila kuasa ia tidak dapat dilaksanakan pelbagai alasan dan dalih boleh diberikan.”

(Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas, 2011)

Berdasarkan kepada metodologi kajian dalam bab ketiga, penggunaan RRS bertujuan untuk menjelaskan maksud peribahasa 8 “gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga”. Makna peribahasa ini adalah seseorang yang mempunyai kekuasaan atau pangkat dapat membuat sesuatu sesuka hatinya terhadap atau dalam lingkungan golongan yang lemah atau berpangkat rendah daripada mereka. Kekuasaan dalam kepimpinan di sini meliputi semua peringkat sama ada dalam sekecil-kecil sehingga kepada sebesar-besar kumpulan. Hal ini menjadikan peribahasa yang dicipta dapat diterapkan dalam pelbagai peringkat dan bukan hanya kepada orang yang berpengaruh dalam jawatan politik sahaja.

Data korpus pertama diambil daripada artikel dalam akhbar Utusan Malaysia pada tahun 2020 berkaitan dengan peribahasa yang dikaji. Dapat dilihat dalam artikel tersebut, sebelum peribahasa tersebut dinyatakan, penulis menceritakan tentang golongan “kelas kayangan” iaitu golongan yang berduit, berjawatan, dan kuasa. Penerangan kepada golongan “kayangan” tersebut sebenarnya ingin disamakan dengan “gajah” dalam peribahasa yang dikaji dan selepas peribahasa itu menerangkan keadaan rakyat yang miskin akibat didenda dan melingkup di dalam penjara kerana rakyat biasa tidak mempunyai kuasa atau wang untuk melepaskan diri daripada undang-undang seperti yang dibuat oleh orang-orang kelas kayangan yang mempunyai kuasa, pangkat dan wang. Tambahan lagi, pemimpin yang berkepimpinan menggubal undang-undang lalu undang-undang tersebut dapat dielak begitu sahaja oleh pemimpin yang mempunyai

kuasa, pengaruh atau wang namun orang bawahan terus dikenakan pelbagai denda atau tindakan sekiranya melanggar undang-undang.

Oleh itu, penggunaan peribahasa dalam konteks kajian ini amat sesuai bagi menggambarkan situasi yang berlaku. Perlambangan yang digunakan amat sesuai iaitu golongan yang berkepimpinan dilambangkan sebagai gajah dan rakyat dilambangkan sebagai kayu dan rumput. Undang-undang yang dibuat oleh pemimpin sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada rakyat biasa.

Bagi meneguhkan lagi pemahaman terhadap peribahasa ini, data korpus daripada mesyuarat Dewan Negeri Selangor telah dipetik. Secara umumnya dapat difahami teks ini membawa makna pemimpin yang berjawatan dan berkepimpinan berbuat sesuka hati kepada rakyat biasa bagi memeras duit daripada rakyat. Peribahasa yang digunakan dalam teks ini menjelaskan perbuatan yang dilaksanakan oleh pemimpin berkuasa membawa kerugian dan kesusahan kepada rakyat biasa dengan terpaksa membayar denda dengan kadar kenaikan 10 kali ganda daripada biasa. Merujuk teks (ii), ayat sebelum hadirnya peribahasa tersebut merupakan penerangan situasi yang dihadapi oleh rakyat biasa serta premis tambahan bagi memahami objek “*rumput*” dalam peribahasa itu dan ayat selepasnya pula menyatakan tentang golongan berjawatan sesuka hati bertindak kepada rakyat iaitu seperti gajah masuk kampung yang akan membinaaskan kalau tidak pohon, sudah tentu rumput akan layu.

Oleh itu, makna peribahasa 8 “*gajah masuk kampung, kalau kayu (pohon) tak tumbang, rumput layu juga*” iaitu seseorang yang mempunyai kuasa melakukan sesuatu sesuka hatinya yang memberi impak golongan biasa tercapai maksudnya dalam kedua-dua data korpus yang diperoleh daripada Utusan Malaysia dan juga mesyuarat Dewan Negeri Selangor. Tambahan lagi terdapat premis tertentu dalam kedua-dua data korpus (i) dan (ii) bagi menerangkan maksud sebenar peribahasa tersebut menjadikan pemahaman pembaca lebih jelas.

### Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2017) semantik skrip dan semantik resonans belum cukup untuk memaparkan makna sebenar yang ingin disampaikan. Tafsiran bagi maksud tersirat harus dicungkil dengan lebih mendalam. Oleh itu, tahap ini akan mencungkil akal budi masyarakat Melayu dalam nukilan peribahasa yang mempunyai pelbagai perlambangan melalui objek dan alam semula jadi.

Orang Melayu amat rapat dengan haiwan yang bergelar gajah. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai peribahasa Melayu yang menyebut tentang gajah seperti “*hati kuman sama dicicah, hati gajah sama dilapah*”, “*gajah mati kerana gadingnya*”, dan juga data peribahasa 8 bagi kajian ini iaitu “*gajah masuk kampung, kalau kayu tak tumbang rumput layu juga*”. Saiz gajah yang amat besar dan juga kekuatannya yang amat gagah telah disamakan haiwan tersebut dengan pemimpin yang mempunyai jawatan dalam kepimpinan dan harta yang banyak sehingga boleh berbuat sesuka hati dengan kekuasaan yang dimiliki. Sudah diketahui umum bahawa di kawasan kampung terdapat banyak pokok dan juga rumput sama ada di tepi jalan ataupun di mana-mana sahaja dan saiz pokok adalah pelbagai mengikut jenis-jenis pokok, tetapi jika dilihat pokok-pokok yang terletak di kawasan kampung hanya dua hingga empat meter dan mempunyai ukur lilit batang yang sederhana, manakala rumput adalah tumbuhan yang tumbuh daripada tanah, rumput memerlukan keadaan tanah yang baik untuk terus hidup.

Oleh hal yang demikian, apabila haiwan besar dan gagah seperti gajah memasuki kampung, sudah pasti boleh menumbangkan pokok-pokok yang ada dan sudah pasti akan memijak kawasan-kawasan yang berumput. Makna peribahasa ini merujuk kepada perkara yang dilakukan oleh pemimpin yang berkuasa sesuka hati kepada orang bawahannya dan sedikit sebanyak menyebabkan penderitaan. Analogi dalam peribahasa ini dapat pengkaji kaitkan dengan gaya kepimpinan yang impaknya negatif jika dipimpin oleh pemimpin yang tidak berkualiter. Hal ini turut disokong oleh Rozita Ibrahim dan Zaharah Hassan (2009), kepimpinan dalam organisasi dapat dinilai melalui prestasi yang ditonjolkan dalam tempoh perkhidmatannya sebagai seorang pemimpin. Kesan daripada perlantakan jawatan atau persaraan seorang pemimpin akan berlakunya dua keadaan, iaitu orang bawah pimpinannya bergembira dan lebih bersemangat atas pemergian ketuanya, atau keadaan sebaliknya. Tempoh kepimpinan tidak akan memberi kesan kepada sesebuah organisasi mahupun negara, namun cara dan gaya kepimpinan yang akan dinilai selama pemimpin tersebut berkhidmat. Tugas seseorang pemimpin bukanlah sesuatu yang boleh dianggap enteng, masalah yang akan dihadapi setiap hari harus diatasi dengan baik dan berkesan. Seseorang pemimpin akan menjadi contoh kepada orang bawahannya, tambahan pula jika individu yang bergelar ketua dibandingkan dengan ketua yang lain sama ada ketua pimpinan terdahulu mahupun ketua daripada organisasi yang lain. Oleh itu, tanggungjawab yang diamanahkan kepada seorang pemimpin haruslah digarap dengan baik supaya perkhidmatannya di suatu tempat akan disanjung dan dihormati oleh orang lain.

Dapatlah disimpulkan bahawa, falsafah dan akal budi yang ingin disampaikan dengan peribahasa tersebut telah terbukti dengan perlakuan sebenar seekor gajah yang memasuki kampung. Dalam erti kata lain, gajah dapat berbuat sesuka hatinya kerana mempunyai saiz dan kekuatan yang melampaui manusia biasa. Masyarakat Melayu terdahulu amat kritis dan kreatif dalam pembikinan peribahasa sehingga menggunakan gelagat gajah yang memasuki kampung bagi menggambarkan hal yang berlaku dalam persekitaran mereka. Pengkaji menyimpulkan bahawa perlakuan gajah yang memasuki kampung dan boleh mengakibatkan pokok tumbang dan rumput layu mempunyai perhubungan yang amat relevan serta maksud yang sangat tepat.

### Peribahasa Berdasarkan Orang Yang Dipimpin

Peribahasa bagi bahagian ini menjelaskan mengenai sikap, kebijaksanaan orang yang dipimpin oleh pemimpin. Di sini peribahasa Melayu menjelaskan ciri-ciri orang yang dipimpin sama ada bertindak bijak atau sebaliknya, berfikiran

jauh atau sebaliknya dan mengikuti segala arahan pemimpin atau berfikir dahulu sebelum bertindak. Jadual 3 di bawah menjelaskan mengenai peribahasa berdasarkan orang yang dipimpin.

**Jadual 3.** Peribahasa berdasarkan orang yang dipimpin.

Konsep	Peribahasa	Makna Peribahasa
<b>Orang Yang Dipimpin</b>	Bagai langau di ekor gajah.	Menurut perintah orang yang lebih berkuasa.
	Cerdik helang, bingung sekikih; lamun murai terkecoh juga.	Biarpun bodoh atau cerdik orang besar, orang kecil juga yang selalu menanggung kerugian.
	Ayam Didik.	Orang yang dilatih untuk menjadi pengganti kepada pemimpin berkenaan.
	Bagai kayu lempung, ditebuk kumbang tembus menembus.	Orang yang lemah mudah dianiayai oleh orang yang berkuasa.
	Bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi.	Ketua atau pemerintah yang telah hilang kuasanya tidak akan ditakuti oleh orang bawahannya.

### Tahap 1: Semantik Skrip

Tahap semantik skrip hanya mengemukakan maksud bagi setiap perkataan dalam kiasan secara harfiah (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Peribahasa 15 “bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi” telah ditafsirkan sebagai seorang ketua atau pemerintah yang telah hilang kuasanya tidak akan ditakuti oleh orang bawahannya. Mustahil sekali berlakunya kucing tidak bergigi, namun peribahasa ini ingin menjelaskan jika perkara tersebut berlaku, tikus akan bersenang lenang tanpa rasa bimbang akan serangan atau terkaman daripada musuhnya iaitu kucing. Kucing dalam peribahasa ini dilambangkan kepada ketua atau pemerintah dan tikus dilambangkan kepada rakyat atau golongan yang dipimpin.

### Tahap 2 : Semantik Resonans

Tahap semantik resonans pula mengetengahkan analisis data dengan teori yang dikaitkan dengan tahap kognitif di sebalik penciptaan atau penggunaan kiasan tersebut. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mempamerkan satu contoh yang merupakan pembuktian linguistik dalam memperlihatkan konsep kepimpinan yang berunsurkan orang yang dipimpin, iaitu peribahasa 15 “bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi”.

- Senario kucing dan tikus ini mengingatkan penulis kepada peribahasa \*\*\*“**bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi**”\*\*. Peribahasa ini sesuai menggambarkan situasi yang dialami oleh seorang ketua atau pemimpin yang tidak lagi diendahkan, digeruni mahupun dihormati setelah dia tidak berjawatan tinggi lagi. Hal ini adalah lumrah kehidupan yang mana orang atasan hanya disanjung tinggi semasa mereka bertaji sahaja, namun bila tajinya patah hal sebaliknya biasa berlaku.

(Zafir Khan Mohamed Makbul, 2021)

Data (i) menunjukkan RRS untuk peribahasa “bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi” yang membawa maksud ketua atau pemerintah yang telah hilang kuasanya tidak akan ditakuti oleh orang bawahannya. Penerangan di bawah peribahasa dalam penulisan tersebut menjelaskan lagi maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Pemimpin akan dihormati dan disanjung apabila mempunyai jawatan dan kuasa sahaja, namun jika perkhidmatan yang diamanahkan dijalankan dengan baik dan disukai oleh orang di bawah pimpinannya, pemimpin tersebut akan terus dihormati sepanjang hayatnya. Penulis menggunakan analogi pemimpin yang “bertaji” akan disanjung tinggi. Taji yang dimaksudkan adalah jawatan dan kekuasaan seorang pemimpin. Orang yang dipimpin juga tidak kurang bijaknya kerana kehebatan membodek akan digunakan kepada orang yang berjawatan.

### Tahap 3 : Semantik Inkuisitif

Semantik inkuisitif adalah analisis makna menjangkau lebih jauh lagi dengan mengaitkan makna yang diperoleh pada dua tahap terawal tadi dengan mengaitkannya pula dengan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

Kucing merupakan sejenis haiwan kesayangan yang seringkali digunakan untuk memberi gambaran kepada manusia berkaitan perwatakan dan kelakuan seseorang (Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md Rashid, 2013). Namun, dalam peribahasa yang dikaji kucing disifatkan sebagai musuh semulajadi kepada tikus. Hal ini disokong oleh kenyataan daripada Ashliman (2013), anjing dan tikus merupakan musuh semula jadi bagi kucing, seperti yang diceritakan dalam banyak kisah teladan seluruh dunia. Oleh itu, boleh difahami bahawa kucing adalah pihak yang berkuasa dan tikus merupakan orang bawahan atau orang yang diawasi dalam maksud peribahasa “bila kucing tidak bergigi, tikus berani melompat tinggi”. Orang berkuasa adalah orang yang mempunyai jawatan dan berkepimpinan. Masyarakat Melayu menjadikan kucing dan tikus sebagai objek kerana dua haiwan ini sangat dekat dengan kehidupan masyarakat. Masyarakat Melayu sering bermain dan bermanja dengan kucing dan secara tidak langsung kucing akan mengawal rumah daripada penguasaan tikus yang berluasa akibat makanan yang dihidangkan dalam rumah seseorang.

Hal ini sejajar dengan kenyataan Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019) iaitu, dengan penglihatan dan pendengaran yang tajam seekor kucing boleh melihat sesuatu tindakan mahupun sesuatu perlakuan dan dapat menangkap maksudnya dengan cekap dan memahami sesuatu yang diajar.

Gigi kucing yang tajam sangat ditakuti oleh tikus kerana tikus merupakan santapan buat kucing. Oleh itu, peribahasa tersebut menjelaskan bahawa pemimpin akan disanjung oleh orang yang dipimpin jika masih ada kuasa dan berkepentingan untuk masa depan orang bawahan. Penghormatan dan kepatuhan orang yang dipimpin akan pudar jika berlakunya perlletakan jawatan oleh pemimpin tersebut tambahan pula prestasi dan adab seorang ketua itu sangat tidak disenangi ramai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa maksud peribahasa tersebut sangat bertepatan dengan perlambangan yang diberikan oleh masyarakat Melayu.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Konklusinya, hasil daripada analisis mendapati bahawa semantik inkuisitif dapat membantu pengkaji untuk mencungkil akal budi yang terdapat dalam peribahasa berkoncepcion kepimpinan. Dengan adanya semantik inkuisitif ini, akal budi yang terkandung dalam peribahasa dapat dirungkaikan. Penggunaan simbol, perlambangan, kiasan yang disampaikan dalam peribahasa dapat difahami dengan baik. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa konsep kepimpinan dibahagikan kepada tiga, iaitu pemimpin, gaya kepimpinan dan orang yang dipimpin. Konsep ini merangkumi flora dan fauna yang dijadikan perlambangan pada konsep kepimpinan tersebut.

Implikasi kajian daripada penyelidikan ini ialah konsep kepimpinan memberi kesan yang besar kepada sesuatu organisasi. Sebagai contohnya, pemilihan ketua atau pemerintah perlulah tepat dan berkualiti agar organisasi yang bakal dipimpin akan memberikan impak yang positif. Hal ini dapat dilihat dalam peribahasa yang memaparkan simbol atau perlambangan “harimau” dan “gajah” mencerminkan pemimpin. Masyarakat Melayu dahulu sudahpun memberikan satu bentuk panduan kepada masyarakat kini dalam pemilihan pemimpin dan juga memberikan panduan kepada rakyat supaya bertindak bijak dalam mengikuti atau mentaati perintah pemimpin. Jelaslah di sini, peribahasa yang dijadikan sebagai bahan utama dapat memberikan satu input yang berguna di samping meneroka akal budi yang tersirat di sebaliknya.

## RUJUKAN

- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 57-74.
- Ashliman, D. (2013). *The monkey's heart: Folktales of type 91*. University of Pittsburgh.
- Balveen Kaur & Mary Fatimah Subet. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 2(1), 1-7.
- Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas. (2011). *Penggal keempat: Mesyuarat ketiga*. <http://dewan.selangor.gov.my/wp-content/uploads/2019/02/03.HANSARD.11111.pdf>
- Eli Aima Shazila & Julaina Nopiah. (2020). Leksikal ‘Ayam’ dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, <https://iium.edu.my/media/62584/Leksikal%20Ayam%20dalam%20Peribahasa%20Melayu.pdf>
- Fatin Rabia Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6, 13-24.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan kuasa: Analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11. *Akademika*, 72, 69-96.
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalauddin. (2015). *Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. [Paper presentation]. Seminar Meja Bulat ‘Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur’. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1984). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation*. Basil Blackwell.
- Liamputpong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif Edisi Ketiga* (Haliza Mohd Riji & Shamsudin Ahmad, Trans). Universiti Putra Malaysia Press. (Original work published 2005).
- Mary Fatimah Subet & Mohd. Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Muhammad Nor Sahfiq & Julaina Nopiah. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd. Tajuddin Haji Abd. Rahman. (2017). *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Pelangi Publication.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Memperlihatkan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 32(1), 311-334.
- Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md Rashid. (2013). Cat metaphors in Malay and English proverbs. *Proceedings of the SoLLs.INTEC.13: International Conference on Knowledge-Innovation-Excellence: Synergy in Language Research and Practice. Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 118, 335-342.
- Rahman, M. T. A. (2017). *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Penerbit Fajar Bakti.

- Rozita Ibrahim & Zaharah Hassan. (2009). Understanding singlehood from the experiences of never-married Malay Muslim women in Malaysia: Some preliminary findings. *European Journal of Social Sciences*, 8(3).
- Nik Amirul Mukminin Nik Min & Nor Khalilah Gusti Hassan. (2019, January 15). Titah sulung Sultan Pahang kepada pemimpin, rakyat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/7719/BERITA/Nasional/Titah-sulung-Sultan-Pahang-kepada-pemimpin-rakyat>
- Zafir Khan Mohamad Makbul. (2020, Disember 14). Bila kucing tidak bergigi. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/114656/KOLUMNIS/Bila-kucing-tidak-bergigi>
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011a). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3).
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011b). *Peribahasa Melayu. Penelitian Makna dan Nilai*. Penerbit UPM.
- Zarina Tajuddin & Anida Saruddin. (2018). Metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu berdasarkan teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang, *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 1-17.